



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

BULETIN AGRO

CUKUP DAN TERJAMIN



SOROTAN MAC 2024

2 MAC 2024

EKSPLO PAKAR PERTANIAN TAHUN 2024

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah merasmikan Ekspo PAKAR Pertanian 2024 di MAEPS Serdang. Turut diadakan adalah Ekspo Rantaian Bekalan Asia & Pameran Lab+Bio (Edisi Makanan).

Ekspo sebegini menjadi platform pertukaran pengetahuan dan membuka peluang ke arah pemantapan sektor pertanian supaya lebih berdaya saing dan mampan.

Seramai 278 pempamer termasuk dari Vietnam, Hong Kong, China, Australia dan Amerika Syarikat (AS) menyertai ekspo kali ini. Ia merupakan inisiatif swasta iaitu 8tivation Studio Sdn. Bhd. bersama-sama MARDI Corp. dengan sokongan daripada sektor awam melalui KPKM termasuklah DOA, DVS, DOF dan MARDI.

Walaupun umum mengetahui bidang pertanian ini memerlukan masa yang lebih panjang berbanding bidang lain untuk menjana pulangan tetapi sebenarnya pertanian memberikan pulangan yang berterusan dan lumayan pada masa akan datang. Ia suatu pelaburan yang cukup berbaloi untuk diterokai.

Bagi industri padi, pihak Kementerian sudah menggerakkan "Inisiatif 'Gelombang Padi' ke seluruh negara mulai tahun ini. Dalam masa tujuh hingga 10 tahun lagi, Kadar Sara Diri (SSR) beras negara akan mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus sekali gus berupaya mengurangkan kebergantungan negara terhadap eksport.

Kerajaan memandang serius kepada industri pertanian kerana ia berkait langsung dengan sekuriti makanan negara. Hasil yang akan diperoleh oleh pemain industri ini akan meningkat dan memberikan pulangan yang cukup lumayan di masa hadapan.



MAJLIS PERASMIAN PROGRAM FAMA FEST 2024

2 MAC 2024

Program FAMA Fest 2024 @ Sarawak ini merupakan program yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi mempromosikan produk-produk keluaran makanan dan hasil pertanian yang dikeluarkan oleh para usahawan industri makanan dan pengusaha pertanian di Sarawak.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Encik Abdul Rashid Bin Bahri, Ketua Pengarah FAMA. Turut hadir YBrs. Encik Faisal Iswardi Bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) FAMA dan YBrs. Encik Ramli Bin Mat Sani, Pengarah FAMA Negeri Sarawak.

Seramai 34 usahawan pemasar yang terdiri daripada usahawan tempatan Sarawak dan semenanjung membuat jualan selama empat hari di Bintang Mega Mall, Miri, Sarawak bermula 1 hingga 4 Mac seawal jam 10 pagi hingga 10 malam.

Terdapat pelbagai aktiviti yang telah dirangka bagi menarik para pengunjung ke Program FAMA Fest 2024 @ Sarawak, antaranya adalah jualan 200 SKU (Stock Keeping Unit) produk agromakanan dan Kombo Madani. Selain itu, terdapat padanan perniagaan (business matching), demo masakan, pertandingan gubahan buah-buahan dan lain-lain.

Sesi padanan perniagaan ini menyaksikan FAMA membawa agen pemasar dari negara Brunei, Thailand, Hong Kong, Kemboja, China dan Pasaran Tempatan (Emart dan Everrise) untuk melihat potensi produk tempatan.



TVET PERTANIAN @ KPKM, SEMINAR TRIPARTITE 2024

5 MAC 2024

BPKLP telah menyertai seminar anjuran Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) yang bertemakan "Greater TVET Future Talent; Facing the Changing World of Work". Seminar ini melibatkan pihak industri, Pusat Latihan & Pendidikan TVET dan Agensi Kerajaan.

Pelaksanaan Seminar *Tripartite* 2024, ini adalah salah satu inisiatif "drive by Industry" oleh Kementerian Sumber Manusia bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam memastikan bakat masa depan berkemahiran yang dihasilkan melalui institusi TVET kekal relevan dengan pekerjaan semasa, masa hadapan dan berpendapatan tinggi.

Ia juga bertujuan memahami cabaran yang dihadapi oleh pemegang-pemegang taruh dalam menghadapi peralihan dunia pekerjaan yang akan menyebabkan perubahan terhadap teknologi, kemahiran dan pekerjaan sedia ada.

Seramai 250 orang peserta seminar merangkumi 27 Badan Peneraju Industri (Industry Lead Body -ILB), 20 Institusi Latihan dan Pendidikan TVET, 60 Syarikat *Memorandum of Collaboration* (MoC) dan 25 agensi *Memorandum of Understanding* (MoU) telah menyertai program ini.



PROGRAM PENUAIAAN PADI PROJEK SMART SBB ALA SEKINCHAN MADA DI KG. GULAU, PENDANG, KEDAH

3 MAC 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus memacu Gelombang Padi selaras dengan perancangan untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi melalui Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) Ala Sekinchan.

Bagi menyokong agenda tersebut, terdapat 12 inisiatif dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian di bawah Gelombang Padi atau GP termasuklah GP5 iaitu memperluas pelaksanaan program SMART SBB Ala Sekinchan MADA.

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyaksikan proses penuaian padi Projek Smart SBB Ala Sekinchan MADA Kampung Gulau seluas 38.995 hektar yang melibatkan 10 orang peserta.

Peserta projek Smart SBB Ala Sekinchan MADA Kampung Gulau terdiri daripada Peladang Muda. Ini membuktikan golongan muda mula membuka minda untuk menceburi bidang pertanian dengan penggunaan teknologi tinggi.



MENTERI KPKM MEMPROMOSI MAHA 2024 DI SIFEX SABAH

9 MAC 2024

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah hadir merasmikan Sabah International Food Expo (SIFEX2024).

SIFEX kali ke-2 bagi tahun 2024 merupakan acara ekspo yang tertumpu kepada sektor makanan dan minuman, berlangsung pada 8 hingga 10 Mac 2024 di Level 2, Kinabatangan Hall 1, 2 & 3, Sabah International Convention Centre (SICC).

Program ini dianjurkan oleh ESM Exhibitor Relations Malaysia dengan sokongan pemain industri sektor agromakanan serta jenama besar dari seluruh Malaysia. Slogan pengajuran pada kali ini adalah 'Taste For Business'.

Menerusi majlis ini juga, YB Menteri turut mengambil kesempatan untuk memanjangkan jemputan kepada warga Sabah untuk hadir memeriahkan acara dwi-tahunan Kementerian iaitu Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang akan diadakan pada 11 hingga 22 September 2024 bertempat di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Bertandang (MAEPS), Selangor.

MAHA kali ini lebih istimewa kerana ia merupakan pengajuran yang ke-100 tahun semenjak 1923. Edisi ke-100 tahun akan melibatkan lebih daripada 2,000 pempamer dengan jangkaan kehadiran seramai 3 (tiga) juta orang pengunjung.



IADA KOTA BELUD SIAP MENJELANG 2027 MERCU TANDA KEPADA PEMBANGUNAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA

7 MAC 2024

Pembinaan Kompleks IADA Kota Belud dijangka akan dapat disiapkan menjelang tahun 2027 sekiranya proses tender dapat diselesaikan pada tahun ini. Demikian menurut Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup ketika mengadakan Lawatan Kerja ke Pejabat IADA Kota Belud.

Kerja-kerja tapak sudah selesai dilaksanakan dan JKR Sabah akan dapat membuka tender projek Pembangunan IADA Kota Belud pada tahun ini. Sekiranya projek ini berjaya ditender pada tahun ini, Kompleks IADA Kota Belud dijangka akan dapat disiapkan pada tahun 2027.

YBTM KPKM turut menyatakan komitmen bagi mengadakan pertemuan bersama-sama Menteri Kerja Raya Sabah bagi membincangkan alternatif untuk mempercepat lagi proses tender tersebut.

Mengulas lanjut, kompleks tersebut bukan sahaja akan menjadi mercu tanda kepada pembangunan industri padi dan beras negara, malahan akan menyumbang kepada pembangunan kawasan yang lebih holistik supaya aktiviti-aktiviti pembangunan kepada pesawah dapat diuruskan dengan lebih cekap.

Kompleks ini juga akan menjadi pusat latihan kepada pesawah bagi meningkatkan ilmu pengetahuan dalam pembangunan industri padi, bengkel jentera pertanian, makmal analisis pertanian dan lain-lain.

Pembinaan Kompleks IADA ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk memperkasa peranan IADA dan membantu pembangunan negeri Sabah khususnya sektor tanaman padi di daerah Kota Belud. Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM36 juta pada tahun 2022 bagi tujuan pembinaan Kompleks IADA.

Di samping itu, KPKM juga telah berjaya membawa masuk benih padi baharu iaitu Siraj MR 297 dan MR 269 ke negeri Sabah dengan kerjasama MAFFI untuk peningkatan SSL negeri Sabah dan pendapatan pesawah tempatan.

Inisiatif ini akan memberi lebih banyak pilihan benih padi kepada pesawah di Sabah. Varieti padi tersebut berada di plot percubaan Pusat Penyelidikan Pertanian Tuaran bagi melihat keberkesanan dan potensi pengeluaran varieti padi tersebut.

Benih padi yang baharu ini akan diyakini dapat meningkatkan hasil pengeluaran padi dan meningkatkan pendapatan pesawah.

YBTM KPKM turut berkesempatan beramah mesra bersama para pesawah di sekitar Kota Belud dan menyerahkan *Mock Cheque* Pembangunan Kawasan Sawah Padi (setakat Mac 2024) serta Jentera Pembajak dan Jentuai Padi Koperasi Pesawah Kota Belud selain memberi bantuan bagi pembelian Pam Air dengan nilai keseluruhan berjumlah RM707,772.00 yang memberi manfaat kepada lebih 600 orang pesawah.



KPKM ANJUR JUALAN AGRO MADANI MEGA DI PEDALAMAN SABAH

10 MAC 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa komited dalam merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu kos sara hidup rakyat, mengorak langkah dengan penganjuran sulung Jualan Agro Madani Mega ke kawasan pedalaman Sabah.

Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyatakan usaha ini adalah selaras dengan peranan Kementerian selaku penggerak utama dalam memastikan bekalan makanan sentiasa mencukupi dan tersedia buat seluruh rakyat.

Penganjuran Jualan Agro Madani merupakan usaha KPKM melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dalam mewujudkan satu usaha bersepadu "Quick Win" berteraskan penjimatan dan mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Pada tahun 2023, KPKM telah berjaya menganjurkan sebanyak 5608 Jualan Agro Madani di seluruh negara dan berjaya mencatatkan sejumlah 2.9 juta pengunjung di sepanjang penganjuran dengan penglibatan seramai 74,800 usahawan dan nilai jualan sebanyak RM93.7 juta.

Daripada jumlah tersebut, FAMA Sabah telah menganjurkan sebanyak 367 Jualan Agro Madani di Sabah dengan mencatatkan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM5.2 juta dan melibatkan seramai 3,990 orang usahawan. Bagi tahun 2024 pula, sehingga 3 Mac 2024, Program Jualan Agro Madani telah dilaksanakan di 1,227 lokasi di seluruh negara, melibatkan 16,242 usahawan tempatan serta membawa nilai penjimatan sebanyak RM7.87 juta kepada pelanggan.

YB Datuk Arthur Joseph Kurup yang juga Ahli Parlimen Pensiangan menyatakan kesungguhan untuk memastikan masyarakat di kawasan pedalaman baik masyarakat umum mahupun para usahawan tidak ketinggalan daripada menerima manfaat pelbagai inisiatif yang ditawarkan oleh KPKM.

Sehubungan itu, pelaksanaan Karnival Jualan Agro Madani Mega Sook ini merupakan program jualan Agro Madani yang julung kalinya dilaksanakan dengan skala besar. Inisiatif tersebut telah berjaya menarik penglibatan lebih 100 orang usahawan serta 135 SKU (Stock Keeping Unit) pelbagai jenis produk agromakanan keluaran tempatan negeri Sabah.

Karnival Jualan Agro Madani Mega Sook mewujudkan platform kepada petani dan usahawan untuk memasarkan produk keluaran mereka secara terus dan secara tidak langsung menawarkan harga sekitar yang lebih murah dari harga pasaran kepada rakyat kerana tidak melibatkan orang tengah.



KUNJUNGAN HORMAT MENTERI LUAR REPUBLIK ARGENTINA

19 MAC 2024

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, menerima kunjungan hormat Menteri Luar Republik Argentina, Puan Yang Terutama (PYT) Diana Mondino, di pejabatnya di Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Kuala Lumpur.

Pertemuan sulung kedua-dua pemimpin ini bagi membincangkan kerjasama antara Malaysia dan Argentina dalam perdagangan dua hala, persijilan halal serta sektor penternakan dan pertanian.

YB Menteri mengalu-alukan kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pemodenan pertanian. Beliau turut menekankan potensi beberapa produk Malaysia untuk dieksport ke Argentina seperti produk nilai tambah haiwan dan makanan haiwan termasuk makanan haiwan berasaskan protein serangga yang diproses.

Semasa pertemuan tersebut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) turut menawarkan bantuan latihan dan konsultasi kepada badan pensijilan halal di Argentina dalam pematuan standard halal Malaysia, bagi melancarkan proses permohonan pengiktirafan halal JAKIM.

Selain itu, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menyatakan hasrat untuk memperbaharui kerjasama sedia ada antara MARDI dan Institut Teknologi Pertanian dan Ternakan Negara Argentina (INTA) melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani pada bulan Oktober 2019 dan akan tamat pada Oktober tahun ini. Mondino menyambut baik makluman tersebut dan menyatakan bahawa terdapat banyak lagi potensi kerjasama yang boleh diterokai melalui MoU antara kedua-dua pihak.

YB Menteri turut mengundang PYT Mondino ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan pada September serta mempelawa penyertaan pihak Argentina dalam acara dwi-tahunan tersebut.

Hadir sama Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Dr. Akma Ngah Hamid; Ketua Pengarah MARDI, Dato' Dr. Mohamad Zabawi Abdul Ghani; Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM, Pengarah Bahagian Jabatan Pertanian (DOA), Pegawai Kanan Jabatan/Agensi dibawah KPKM serta pegawai daripada Kementerian Luar Negeri (KLN).

SIDANG MEJA BULAT ANTARA KPKM DAN DELEGASI CHINA AGRICULTURAL WHOLESALE MARKETS ASSOCIATION (CAWA)

21 MAC 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah menerima kunjungan daripada China Agricultural Wholesale Markets Association (CAWA) seramai 42 orang bagi mengadakan Sidang Meja Bulat berkaitan Potensi Kerjasama Perdagangan dalam Industri Sarang Burung Walet (Birdnest) antara Malaysia-China. Program ini telah dipengerusikan oleh Encik Khalid bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan (BDI), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Susulan pembentangan oleh Puan Liew Lee Su daripada Bahagian Sekuriti Makanan (BSM), kedua-dua pihak telah bertukar pandangan yang menekankan peluang kerjasama bagi meningkatkan pengeksporan dan prospek sarang burung walet Malaysia ke China melalui aktiviti promosi berkesan dan sesi padanan perniagaan Business-to-Business (B2B).

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sebagai jabatan berkompeten telah diwakili oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah DVS. Turut hadir adalah pegawai-pegawai daripada BDI, BSM, DVS dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).



MAJLIS PERJUMPAAN YB MENTERI KPKM BERSAMA WARGA KPKM SEMPERA RAMADAN TAHUN 2024

22 MAC 2024

Bulan suci Ramadan 1445H terus disemarakkan dengan Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu bersama warga KPKM sempena Ramadan tahun 2024.

Majlis ini diadakan bagi merapatkan hubungan silaturahim sekaligus mengukuhkan ukhuwah sesama warga KPKM dan jabatan serta agensi di bawah KPKM. Pada majlis itu, YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu turut menyampaikan sumbangan kepada 30 orang anak yatim dan asnaf daripada Pusat Jagaan Baitul Hidayah, Puchong, Selangor.

Majlis berbuka puasa, solat Maghrib, Isyak dan Terawih berjemaah turut diadakan bagi mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan dalam bulan yang mulia ini. Turut diadakan adalah sesi forum bertajuk Ibrah Ramadan bersama moderator Encik Kamarul Arifin bin Shaari dari Pertubuhan Peladang Kawasan Tampin dan ahli-ahli panel terdiri daripada YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha KPKM dan YBrs. Ustaz Ahmad Shukri Yusoff, Perunding Motivasi dan Pendakwah bertauliah.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), YBhg. Datuk Azah Hanim binti Ahmad, pengurus tertinggi dan pegawai-pegawai kanan Jabatan, Agensi dan warga KPKM.



MESYUARAT KHAS MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA (NACCOL) TAHUN 2024

23 MAC 2024

Susulan keputusan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Tahun 2024 pada 23 Februari 2024, KPKM sedang melaksanakan kajian dan perbincangan lanjut berhubung industri padi dan beras secara menyeluruh dengan mengambil kira harga belian padi, faktor bekalan, harga beras import dunia, kemampuan bekalan beras tempatan dan kesan kepada pengguna.

KPKM telah mengadakan beberapa sesi libat urus pelbagai peringkat dengan semua pihak berkepentingan dalam rantai nilai industri padi dan beras seperti melalui:

- Sesi Libat bersama Kementerian, Jabatan, serta Rantaian Industri Padi dan Beras pada 18 Februari 2024;
- Sesi Libat Urus KPKM bersama BERNAS pada 27 Februari 2024;
- Sesi Libat Urus YB Menteri KPKM Bersama Pemegang Taruh Industri Padi dan Beras pada 29 Februari 2024; dan
- Sesi Libat Urus KPKM bersama Kementerian, Jabatan dan Agensi Industri Padi dan Beras pada 5 Mac 2024.

Hasil semasa libat urus ini akan diteliti sebelum diangkat sebagai satu pelan tindakan baharu industri padi dan beras untuk pertimbangan Mesyuarat NACCOL pada 20 Mac 2024.



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PUSPANITA CAWANGAN KPKM KALI KE- 40 TAHUN 2024

25 MAC 2024

Mesyuarat Agung Tahunan PUSPANITA Cawangan KPKM Kali Ke-40 Tahun 2024 telah dirasmikan oleh YBhg. Datin Seri Normah binti Alwi, Penaung PUSPANITA Cawangan KPKM dan turut dihadiri oleh YBhg. Datin Wan Razanawani binti Wan Zakara, Pengerusi PUSPANITA Cawangan KPKM, YBhg. Datin Sartini binti Mohd Nor, Timbalan Pengerusi II, Barisan AJK Tertinggi dan Pengerusi-pengerusi Cawangan Kecil Jabatan dan Agensi. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh seramai 500 orang ahli.

Penaung menekankan PUSPANITA perlu dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran baharu dengan memanfaatkan kewujudan teknologi kecerdasan buatan (AI) bagi meningkatkan daya saing dalam kalangan wanita.

Kewujudan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam kehidupan seharian banyak membantu memudahkan urusan harian dan menyarankan agar PUSPANITA Cawangan KPKM memanfaatkan teknologi AI dalam penganturan program dan aktiviti. Beliau juga berharap semoga PUSPANITA Cawangan KPKM akan terus aktif dan cemerlang dalam agenda memperkasa wanita.

Penjimatan sumber iaitu 3M iaitu *Money, Man, Machine* adalah antara intipati ucapan Pengerusi. Beliau menyarankan agar setiap program PUSPANITA dilaksanakan secara kolaborasi dengan Kelab KPKM, Surau KPKM, AKRAB serta Puspanita Cawangan Kecil.

Turut berlangsung aktiviti cabutan nombor bertuah, jualan *uniform* PUSPANITA dan Karnival Jualan Raya. Karnival ini berlangsung selama 3 hari bermula 25 hingga 27 Mac 2024. Pelbagai jualan diadakan seperti makanan dan minuman, biskut raya, pakaian, aksesori wanita, bunga-bunga hiasan dan produk-produk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).



OPERASI PEMERIKSAAN BEKALAN BERAS PUTIH TEMPATAN (BPT) DAN HARGA BERAS PUTIH IMPORT (BPI)

26 MAC 2024

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan Pelarasan Harga Beras Putih Import (BPI) yang akan dilaksanakan mulai 20 Mac 2024. Keputusan ini telah dimuktamadkan melalui Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bil. 1/2024 pada 19 Mac 2024. Pelbagai langkah intervensi telah dilaksanakan oleh KPKM bagi menangani isu kekurangan Beras Putih Tempatan (BPT) di pasaran susulan pelarasan harga BPI oleh BERNAS pada 1 September 2023.

Sehubungan itu, bagi meningkatkan akses rakyat kepada bekalan beras pada harga yang munasabah, Kerajaan melalui Mesyuarat NACCOL bersetuju supaya penurunan harga jualan runcit BPI antara RM2.00 hingga RM3.00 di pasaran dilaksanakan berkuat kuasa pada 20 Mac 2024. Kerajaan optimis inisiatif ini dapat membantu rakyat mengurangkan kos sara hidup terutamanya semasa bulan Ramadan dan musim perayaan yang bakal menjelang.

Bagi meningkatkan pengedaran BPT di pasaran, Kerajaan memutuskan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan metrik dapat diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta merta. Justeru, KPKM akan meningkatkan penguatkuasaan melalui

Kawalselia Padi dan Beras (KPB) di seluruh negara. Dalam meluaskan jaringan pengedaran BPT, aktiviti Jualan Agro MADANI yang dilaksanakan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) akan diperluaskan dari segi lokasi dan peningkatan kekerapan program. Kerajaan turut bersetuju agar semua Kontrak Kerajaan menggunakan BPI sepenuhnya.

Sehubungan itu, melalui kaedah ini, bekalan tambahan BPT sebanyak 20,000 tan metrik dapat diedarkan sepenuhnya di pasaran pada April 2024. Kesemua langkah ini akan dapat meningkatkan ketersediaan bekalan beras kepada rakyat melalui jualan BPI pada harga yang lebih rendah serta pertambahan BPT di pasaran.

KPKM juga akan meneruskan perbincangan bersama semua pemegang taruh untuk memperhalusi pelan tindakan jangka panjang bagi struktur kos pengeluaran beras yang lebih realistik untuk memastikan industri padi dan beras adalah mampan terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan pesawah serta meningkatkan produktiviti pengeluaran beras negara. Sesungguhnya keputusan ini mencerminkan komitmen utuh Kerajaan MADANI dalam menjaga kebajikan rakyat dan seterusnya memperkukuhkan agenda keterjaminan makanan negara.



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN



**MALAYSIA
MADANI**



@kpkmmalaysia

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

WISMA TANI, PRESINT 4,
62624 PUTRAJAYA

www.kpkm.gov.my

BuletinAgro